I/SH. 2026 (13)

MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN
KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran ini dipelawa kepada kontraktor yang layak dan berdaftar dalam kod bidang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja sebagaimana berikut:

BIL	TAJUK PROJEK/ NO. TAWARAN	SYARAT KELAYAKAN	SALINAN SIJIL YANG DIPERLUKAN	HARGA	MASA PEMBELIAN
1	KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN TAMAN TEMA AIR MINI, PONTIAN, JOHOR DAN KERJA-KERJA BERKAITAN (MPPn/SH/42/2026)	G4 CE14, CE21, B16 & M15 Bumiputera	• Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) • Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) • Sijil Kontraktor Johor (JCCD) • Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) • Sijil Taraf Bumiputera (STB) • Sijil Pematuhan Cukai (TCC) (Patuh & Sah) **KEBENARAN KHAS TIDAK DIBENARKAN** **Sijil hendaklah aktif sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas tarikh tutup iklan sebut harga 26 November 2026.**	**RM30.00** Bayaran adalah secara **TANPA TUNAI (CASHLESS)** iaitu menggunakan **KAD DEBIT** sahaja.	**Isnin – Khamis** 8.30 pagi hingga 3:00 petang **Jumaat** 8.30 pagi hingga 12:00 tengah hari

- **Taklimat tapak akan diadakan pada 19 November 2026 (Khamis) jam 11:00 pagi hingga 12:00 tengah hari di Bilik Perbincangan, Aras 2, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian.** Taklimat tapak adalah **WAJIB** dan akan diadakan sekali sahaja. Hanya **Penama** dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Johor Centre for Construction Development (JCCD) sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat tapak yang diadakan. **WAKIL TIDAK DIBENARKAN. Hanya kontraktor yang menghadiri sesi taklimat yang layak untuk membeli dokumen sebut harga.**

- Dokumen sebut harga boleh dimuat turun dengan mengimbas **QR CODE** yang dipaparkan. Dokumen boleh didapatkan bermula pada **19 November 2026 (Khamis),** selepas taklimat tapak dan tarikh akhir penyerahan dokumen sebut harga pada **26 November 2026 (Khamis)**, **sebelum jam 12:00 tengah hari**.

- Syarikat perlu mencetak dokumen sebut harga dan membawa dokumen tersebut ke **Kaunter Pelbagai No. 4, Aras G, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian** untuk urusan pembayaran perkhidmatan penyediaan dokumen sebut harga. Urusan pembayaran hanya boleh dibuat oleh penama atau wakil syarikat (wakil hanya boleh mewakilkan satu syarikat sahaja) dengan membawa **cop syarikat** dan **surat wakil**. **Dokumen sebut harga** dan **resit bayaran** hendaklah dibawa ke **Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras 2, Blok B, Majlis Perbandaran Pontian** untuk mendapatkan cop rasmi MPPn di dokumen tersebut.

- Syarikat juga perlu membawa **sijil asal berserta satu (1) salinan sijil** yang diperlukan sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual di atas untuk disemak serta menyerahkan salinan semasa urusan daftar kehadiran pembeli dokumen sebut harga.

Dokumen sebut harga yang telah diisi lengkap hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri** dan bertulis tajuk sebut harga berkenaan di penjuru kiri sampul surat serta **LAMPIRKAN BERSAMA SALINAN RESIT BAYARAN YANG DITERIMA OLEH PIHAK SYARIKAT** ke dalam **peti sebut harga** bertempat di **Ruang Legar, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor** atas nama, **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor. PENYEBUT HARGA DIINGATKAN UNTUK MEMBUKUKAN DOKUMEN YANG DILAMPIRKAN SEBAGAIMANA DI SENARAI SEMAK.**

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pontian
Bertarikh: 17 November 2026

SI/ HU/ nii